

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Data granular bantu buat keputusan tanpa pembaziran

Data granular bantu buat keputusan tanpa pembaziran

Kuala Lumpur: Kerajaan memerlukan data granular (terperinci) untuk membuat keputusan yang tepat bagi memastikan tiada pembaziran terutamanya dalam keadaan sumber kewangan yang semakin terhad.

Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Hanifah Hajar Taib berkata, usaha perlu diambil untuk menggabung jalin data semua kementerian dan jabatan serta agensi kerajaan bagi menjana statistik yang bermanfaat dan pada masa sama dapat mengu-

rangkan kos.

Katanya, sehingga awal tahun 2000, penggunaan data agregat menjadi kebiasaan namun selepas era berkenaan, pembuat dasar memerlukan data yang lebih terperinci.

"Pada masa ini, semua kementerian dan jabatan kerajaan sama ada Perserikutan atau Negeri, badan berkanun dan syarikat milik kerajaan menyimpan pelbagai data.

"Masalah utama ialah data itu berlainan sistem terutamanya dari segi metodologi, standard, konsep



HANIFAH Hajar

dan definisi.

"Justeru, usaha perlu diambil untuk menggabung jalin data ini bagi

menjana statistik yang dapat dimanfaatkan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pengumpulan data secara banci atau survey yang memerlukan kos tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian bersamaan Persidangan Statistik Malaysia ke-10 di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Hanifah Hajar berkata, penyelidikan adalah pro-

ses sistematik untuk memperoleh pengetahuan baharu, pemahaman atau maklumat yang lebih mendalam mengenai sesuatu topik atau fenomena tertentu.

Katanya, hasil daripada aktiviti penyelidikan antara lain dapat membantu membuat keputusan berdasarkan maklumat, penambahbaikan kualiti, pembentukan polisi awam, pemuliharaan alam sekitar, membantu kesiapsiagaan dalam pengurusan bencana dan pelbagai lagi.